



## Adakah Roh Orang Mati Dapat Meresap ke Jasad

### Orang yang Hidup?

1. Muhammad Junawadi bin Uthman

Kampung Pasir Putih, Ipoh, Perak, bertanya:

Adakah roh seseorang yang telah mati boleh meresap kepada seseorang yang hidup? (di masa meresap orang yang hidup itu tidak sedarkan diri) dan mengakulah ia “akulah si anu-anu dahulu.” Dan adakah yang dikatakan Wali Allah yang ghaib boleh meresap kepada seseorang yang hidup lalu mengaku “Akulah Wali Allah yang bernama si polan-si polan” serta berpesan dengan berbagai-bagai pesanan yang baik-baik bunyinya. Diharap mendapat jawapan dari segi agama Islam.

### Jawapannya:

Masalah berkenaan roh – sebagaimana yang difahamkan oleh umum – ialah sesuatu yang berada pada jasad (manusia atau binatang) menyebabkan jasad itu hidup, dan bila roh itu berpisah maka jasad itu pun mati.

Di dalam al-Quran, lafaz roh itu mengandungi makna yang banyak. Di antaranya ialah: sebagai yang difahamkan oleh umum tadi (bererti nyawa) – ini tersebut pada ayat “*Faidhā sawwaytuhū wanafakhtu fīhi min rūḥi faqa ‘ūlahū sājidīn*” (29<sup>1</sup> al-Hijr). Ertinya: “Apabila Aku sempurnakan kejadiannya, Aku tiupkan daripada Roh Aku kepadanya lalu meniaraplah mereka sujud kepadanya.”

Maksudnya: Allah menceritakan tentang Nabi Adam

sesudah dijadikan dari tanah lalu ditiupkan roh ke jasad Nabi Adam itu yang menyebabkannya dapat hidup, dan tentang para malaikat mematuhi perintah Allah untuk sujud kepada Nabi Adam kerana mengakui kepandaianya.

Ada kalanya roh bermakna “Malaikat Jibril” seperti pada ayat “*Nazala bihi al-rūḥu al-āmīn*” (93<sup>2</sup> al-Shu‘ara’).

Ertinya: “Quran itu dibawa oleh roh yang setia (Jibril).”

Ada kalanya roh bermakna “wahyu” seperti pada ayat “*Yunazzilu al-malā’ikata bir-rūḥi*” (4 al-Ma‘ārij<sup>3</sup>) ertinya: “Allah menurunkan malaikat Jibril dengan wahyu.”

Kemudian tersebutlah pula tentang orang-orang Yahudi dan lainnya bertanya kepada Nabi Muhammad (S.A.W) tentang roh itu bagaimanakah yang sebenarnya, yang dijawab oleh Allah pada ayat “*Wayas ‘alūnaka ‘ani al-rūḥi quli al-rūḥu min amri rabbī*” (85 al-Isra’) ertinya: “Mereka bertanya kepadamu (ya Muhammad) tentang roh. Katakanlah; roh itu urusan Tuhan saya.”

Maksudnya: Jika hendak mengetahui akan hakikat roh yang sebenarnya, maka sesiapa pun tidak akan dapat memberikan penerangan yang sejelas-jelasnya, hinggakan Nabi (S.A.W) pun tiada mengetahui. Kerana masalah mengenai roh itu adalah urusan Allah sendiri.

Mungkin ada beberapa banyak para ulama’ atau sarjana yang membahaskan ta’rif (pengertian) roh itu yang dikatakannya; adalah roh itu sesuatu rahsia yang tersembunyi dapat mengalir ke dalam jasad, ibarat air yang mengalir dalam pembuluh.... hingga seterusnya, dengan memberikan pula bukti-bukti pengertian tersebut – namun penerangan mereka semuanya tidak dapat memberikan kepuasan sebagai penerangan ilmiah yang sebenarnya. Maka ini memanglah tepat dengan apa yang dinyatakan oleh Allah pada penghujung ayat tadi

<sup>1</sup> Teks asal bertulis ayat 25, tetapi di dalam al-Quran sebenarnya ayat 29.

<sup>2</sup> Teks asal bertulis ayat 93, tetapi di dalam al-Quran sebenarnya ayat 193.

<sup>3</sup> Teks asal bertulis ayat 4 al-Ma‘ārij, tetapi di dalam al-Quran sebenarnya ayat 2 an-Nahl.